

Cubaan seludup ketamin bernilai RM3.36 juta dalam kontena ubi kentang digagalkan

18/04/2013 5:53pm

NILAI - Seorang pegawai sebuah syarikat penghantaran ditahan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) kerana disyaki cuba menyeludup dadah jenis ketamin seberat 84 kilogram (kg) bernilai RM3.36 juta melalui Perlabuhan Klang, Selangor dekat sini Selasa lalu.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri Khazali Ahmad berkata, lelaki berusia 37 tahun itu ditahan selepas pemeriksaan pihaknya berjaya menemui dadah berkenaan disembunyikan dalam satu kontena.

Katanya, kontena berkenaan yang tiba dari Kolkata, India diisytiharkan sebagai ubi kentang tetapi pemeriksaan lanjut pihaknya menjumpai sembilan guni yang mengandungi serbuk kristal dipercayai dadah jenis ketamin.

"Bertindak atas maklumat awam dan risikan pasukan anggota Kastam dari Cawangan Narkotik Ibu Pejabat Putrajaya bersama Unit Narkotik Perak telah menahan kontena ini pada Selasa lalu selepas ia tiba daripada India.

"Dalam siasatan lanjut, kami menjumpai sebanyak sembilan guni yang mengandungi dadah yang disembunyikan bersama 280 guni ubi kentang di dalam kontena berkenaan," katanya dalam satu sidang akhbar di sini hari ini. - KOSMO!

Artikel Penuh:

http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2013&dt=0418&pub=kosmo&sec=Terkini&pg=bt_26.htm#ixzz2VECOFfCB

Hakcipta terpelihara